

24/07/2000

Majlis Aids lantik ahli jawatankuasa baru

MAJLIS AIDS Malaysia (MAM) telah melantik ahli Jawatankuasa Eksekutif bagi tempoh 2000/2002 pada 20 Mei lalu.

Pelantikan itu dibuat pada mesyuarat Agung Dwi-Tahunan MAM yang dirasmikan Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Suleiman Mohamed.

Datin Paduka Marina Mahathir, dipilih selaku Presiden manakala Naib Presidennya, Datuk Dr Lo Bin Tick; Setiausaha Kehormat, Hisham Hussein dan Penolong Setiausaha Kehormat, Dr Mary Huang.

MAM adalah badan bukan kerajaan yang ditubuhkan pada 1992 dengan inisiatif Kementerian Kesihatan Malaysia untuk menyelaras usaha membanteras HIV/Aids di negara ini dan menjadi saluran utama bantuan wang kepada ahli gabungan MAM.

Kini terdapat 32 badan bukan kerajaan yang menjadi ahli gabungan MAM.

(END)